

## **BAB KEENAM**

### **RUMUSAN, SARANAN DAN PENUTUP**

#### **6.1 Pengenalan**

Bab ini mengandungi rumusan keseluruhan kajian mengenai aktiviti tarbiyah PAS di Tanjong Malim dan masalah yang dihadapi dalam mengendalikan agenda tarbiyah di kawasan tersebut. Bab ini diakhiri dengan saranan dan cadangan kepada PAS Pusat, PAS Perak dan PAS kawasan Tanjong Malim, khususnya Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan yang secara langsung menguruskan *tarbiyah* dan aktivitinya di kawasan tersebut bagi mempertingkat dan memperkemaskan lagi perancangan dan pelaksanaan *tarbiyah* kepada ahli, di samping saranan dan cadangan kepada pengkaji yang akan datang.

#### **6.2 Rumusan**

Berdasarkan kepada dapatan dan hasil kajian yang telah dijalankan, secara ringkasnya dapat dirumuskan seperti berikut :

### **6.2.1 Aktiviti *Tarbiyah* Yang Dilaksanakan Oleh PAS di Tanjong Malim Dari Tahun 2006 Hingga 2010**

Hasil kajian yang telah dijalankan mendapati PAS kawasan Tanjong Malim melaksanakan kebanyakannya aktiviti *tarbiyah* di kawasan mereka. Antara aktiviti yang dijalankan ialah program *usrah*, *qiyāmullail (katībah)*, latihan kemahiran (*daurah tadrībiyyah*), berbuka puasa secara berjama'ah (*iftār jamā'ī*), perhimpunan bulanan (*ijtimā' tarbawī*), solat berjama'ah, jambori (*mukhayyam tarbawī* untuk pemuda), dan kelas pengajian agama. Terdapat juga beberapa aktiviti yang digabungkan menjadi satu program baru yang lebih relevan dan sesuai untuk masyarakat tempatan, seperti program lawatan (*reḥlah tarbawīyyah*), program perkaderan (*tamrīn tarbawī*) dan perkhemahan (*mukhayyam tarbawī*). PAS kawasan juga mengambil inisiatif untuk merapatkan ahli PAS di kawasan Tanjong Malim dengan mengadakan Hari Keluarga. Program *usrah* gabungan pula tidak dilaksanakan secara total, sebaliknya pengisian utama yang sepatutnya dilalui oleh ahli dijadikan sebagai pengisian sampingan dalam aktiviti *tarbiyah* yang lain. Manakala majlis ilmu (*liqā' al-fikrī*), seminar atau konvensyen (*nadwah tadrībiyyah*) dan perhimpunan agung (*mu'tamar*) pula tidak dilaksanakan oleh PAS kawasan ini kerana hanya sesuai dilaksanakan oleh PAS Perak atau PAS Pusat. Hasil kajian yang diperolehi pengkaji banyak merungkai dan memperjelaskan banyak perkara, khususnya mengenai aktiviti *tarbiyah* di kawasan ini.

### **6.2.2 Masalah Yang Dihadapi Oleh PAS di Tanjong Malim Dalam Melaksanakan Aktiviti *Tarbiyah***

Kajian ini mendapati bahawa PAS kawasan Tanjong Malim turut menghadapi beberapa masalah dalam mengendalikan agenda *tarbiyah* di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, permasalahan dalam *tarbiyah* yang dihadapi oleh PAS kawasan Tanjong Malim tidaklah begitu ketara. Permasalahan yang timbul dan wajar diketengahkan adalah masalah yang berpunca daripada kelemahan sumber manusia. Contohnya, seperti dana dan lokasi program yang terhad, kurangnya penglibatan yang menyeluruh daripada pimpinan dan *nuqabā'* dalam program *tarbiyah*, agenda *tarbiyah* kurang dibincangkan dalam mesyuarat, tiada perancangan strategik program *tarbiyah*, kekurangan murabbī dan tenaga penggerak, kesukaran mengikut sepenuhnya sukatan *tarbiyah* PAS Pusat, murabbī bukan daripada kalangan masyarakat tempatan dan kelemahan pimpinan PAS kawasan Tanjong Malim dan Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan. Maka pimpinan PAS kawasan Tanjong Malim dan Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan sewajarnya lebih serius dalam menangani dan menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan pendekatan yang lebih sesuai dan praktikal.

### **6.3 Saranan**

Berdasarkan kepada penemuan kajian ini, maka dicadangkan beberapa saranan dan cadangan kepada pihak tertentu untuk melaksanakan atau mempertimbangkan bagi mengatur strategi dan membuat penambahbaikan pada program yang sedia ada.

### 6.3.1 Saranan Kepada PAS Kawasan Tanjong Malim

Berikut adalah beberapa saranan dan cadangan kepada PAS dalam memperkasakan lagi *tarbiyah*, khususnya PAS kawasan Tanjong Malim yang menjadi lokasi kajian.

- i. Berdasarkan hasil kajian, PAS kawasan Tanjong Malim menghadapi masalah dana yang terhad. Sekiranya dana yang dimiliki mencukupi, PAS kawasan Tanjong Malim tidak menghadapi masalah dalam melaksanakan agenda *tarbiyah* di kawasan tersebut dengan lebih tersusun. Maka di cadangkan agar Lajnah Ekonomi PAS kawasan Tanjong Malim mempergiatkan lagi usaha mereka dalam meningkatkan dana jama'ah dengan melatih usahawan-usahawan muda melalui kursus atau seminar agar berkecimpung dalam bidang perniagaan, penternakan, perikanan dan pertanian. Kejayaan mereka pasti akan memberikan impak yang besar kepada PAS kawasan Tanjong Malim. PAS juga tidak hanya mengharapkan bantuan, derma atau sumbangan wajib ahli sahaja untuk meneruskan survival jama'ah tersebut.
- ii. PAS kawasan Tanjong Malim menghadapi masalah kekurangan lokasi program. Masalah tersebut secara tidak langsung telah membantutkan agenda *tarbiyah* di kawasan tersebut. Oleh itu, disarankan agar PAS kawasan dapat membina markas *tarbiyah* di kawasan Tanjong Malim.

Kewujudan markas *tarbiyah* tersebut pasti dapat membantu PAS kawasan mengatasi masalah kekurangan lokasi program sebelum ini. Pelbagai program seperti ceramah, mesyuarat agung, majlis ilmu, permainan, sukaneka, pertandingan dalaman, ihtifāl sekolah Pasti, majlis kecemerlangan, majlis berkhatan dan sebagainya dapat dilaksanakan dengan lebih cemerlang.

- iii. Kajian mendapati terdapat segelintir pimpinan PAS yang memiliki akhlak yang kurang baik walau pun mereka bergelar pimpinan atau ustaz. Sahsiah diri yang kurang terpuji dan pergaulan yang kurang baik boleh menimbulkan tanggapan yang negatif terhadap PAS kawasan Tanjong Malim. Oleh itu, dicadangkan agar satu program khas untuk pimpinan PAS kawasan dapat diadakan supaya mereka dapat memperbaiki sahsiah diri sesuai dengan kehendak jama'ah dan boleh menjadi *role model* kepada masyarakat.
- iv. Hasil kajian mendapati kawasan Tanjong Malim kekurangan sekolah aliran agama dan pusat pengajian agama untuk mendalami ilmu agama. Oleh itu, dicadangkan kepada pimpinan PAS kawasan Tanjong Malim agar mencari alternatif untuk memperbanyakkan program pengajian agama yang dipimpin oleh tokoh agama yang berwibawa dan penyampaian yang berkesan. PAS kawasan juga dicadangkan agar

menjemput para ustaz dan penceramah dari luar Tanjong Malim supaya pengajian agama yang diadakan sentiasa meriah.

- v. Kajian mendapati agenda *tarbiyah* kurang dibincangkan dalam mesyuarat bulanan PAS kawasan Tanjong Malim. Oleh itu, dicadangkan agar PAS kawasan memperuntukkan satu agenda tambahan dalam mesyuarat bulanan yang diadakan, iaitu perbincangan tentang perkembangan *tarbiyah* di kawasan Tanjong Malim. Jika agenda yang penting ini tidak diperuntukkan sebagai salah satu agenda mesyuarat PAS kawasan, maka ahli mesyuarat akan terlepas pandang untuk membincangkannya.
- vi. Kajian mendapati terdapat segelintir pimpinan PAS kawasan Tanjong Malim yang lemah dalam kepimpinan dan pengurusan. Kelemahan tersebut boleh mengganggu kelancaran pengurusan dan pentadbiran PAS kawasan Tanjong Malim. Maka di cadangkan agar PAS kawasan Tanjong Malim dapat mengadakan kursus atau bengkel berkaitan kepimpinan dan pengurusan organisasi sebagai pendedahan kepada mereka.

### **6.3.2 Saranan Kepada Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan PAS Kawasan Tanjong Malim**

- i. Berdasarkan hasil kajian, didapati PAS kawasan Tanjong Malim menghadapi masalah kekurangan pendidik (*murabbī*) dan tenaga

penggerak. Oleh itu, dicadangkan kepada Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan agar memilih individu daripada kalangan warga tempatan yang berketrampilan dan berkeelayakan untuk dilatih dan dididik sebagai pendidik (*murabbī*) dan tenaga penggerak. Pengkaji juga mencadangkan supaya anak-anak pimpinan dan ahli PAS yang berbakat dan memiliki potensi sebagai *murabbī* dapat diketengahkan untuk dikaderkan. Kursus khas kepimpinan pula dicadangkan agar dapat diadakan secara berkala dan terancang bagi melatih anak-anak pimpinan dan ahli PAS tentang *tarbiyah*.<sup>1</sup>

- ii. Kajian mendapati terdapat sebahagian program dan aktiviti *tarbiyah* di kawasan Tanjong Malim berjalan tanpa ada pemantauan khusus daripada pihak Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan. Oleh itu, Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan dicadangkan agar melakukan pemantauan secara kerap dan berkala terhadap perkembangan *tarbiyah* di Tanjong Malim, khususnya berkaitan aktiviti dan program *tarbiyah*. Pengkaji juga mencadangkan agar satu jawatankuasa khas yang terdiri daripada pimpinan *tarbiyah* perlu dibentuk bagi meninjau pelaksanaan dan keberkesanan aktiviti *tarbiyah* yang dijalankan serta mengenal pasti kelemahan yang berlaku.

---

<sup>1</sup> Kursus khas kepimpinan diadakan bertujuan untuk memilih pelapis dan bakal kepimpinan bagi mewakili persatuan mahasiswa di universiti atau kolej. Ia juga dinamakan dengan pelbagai nama yang berbeza, seperti Tamrīn Kepimpinan, Tamrīn Panjang (TAMPAN) dan sebagainya.

- iii. Kajian juga turut mendapati Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan lemah dalam mengurus dan mengendalikan *tarbiyah* di kawasan Tanjong Malim. Kelemahan ini didapati berpunca daripada kegagalan sebahagian pimpinan untuk membezakan antara tugas kawasan yang berbentuk kemasyarakatan (*ijtimā'ī*) dengan tugas Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan yang berbentuk jama'ah (*jamā'ī*). Oleh itu, dicadangkan agar Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan mengadakan kursus pemantapan *tarbiyah* agar mereka dapat menguruskan *tarbiyah* dengan baik dan tidak lagi mencampur adukkan antara tugas kawasan dan tugas *tarbiyah*.
- iv. Daripada kajian yang telah dijalankan, Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan didapati tidak mengadakan mesyuarat atau perjumpaan secara berkala dan terancang. Maka, dicadangkan agar Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan dapat mengadakan mesyuarat atau perjumpaan secara kerap dari masa ke semasa atau secara berkala. PAS cawangan dikehendaki membuat laporan tentang perkembangan *tarbiyah* di cawangan masing-masing setiap kali mesyuarat atau perjumpaan diadakan. Pengkaji juga turut mencadangkan agar sesi muhasabah atau *post mortem* diadakan setiap kali selesainya program *tarbiyah* agar penambahbaikan dapat dilakukan terhadap program *tarbiyah* sedia ada.
- v. Kajian mendapati kawasan Tanjong Malim bukan zon ilmu dan tahap pengetahuan agama masyarakatnya pula agak rendah. Oleh itu,



dicadangkan agar Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan dapat mempertingkatkan ruh ilmu di kawasan Tanjong Malim melalui pelaksanaan program-program keagamaan, seperti kuliah, ceramah, syarahan, majlis sambutan hari kebesaran Islam dan seumpamanya. Kuliah-kuliah yang dihentikan sebelum ini perlu diteruskan agar masyarakat tidak ketinggalan menimba ilmu agama. Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan juga dicadangkan agar mewujudkan kerjasama dengan Pejabat Agama Daerah Slim River, Majlis Daerah Tanjong Malim, Politeknik Sultan Azlan Shah (POLISAS), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), jabatan-jabatan atau agensi-agensi kerajaan dan swasta, sekolah-sekolah, hospital, klinik dan badan bukan kerajaan bagi mengadakan program berbentuk keagamaan.

- vi. Kajian mendapati Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan tidak menyediakan taqwim tahunan *tarbiyah* sebagai perancangan awal aktiviti dan program *tarbiyah* di kawasan Tanjong Malim. Ini menyebabkan banyak program dijalankan pada secara *ad-hoc* dan hasil yang diperolehi adalah kurang memuaskan. Maka dicadangkan kepada Lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan agar dapat menyediakan satu perancangan strategik program *tarbiyah* untuk kawasan Tanjong Malim. Perancangan tersebut penting bagi merealisasikan visi dan misi *tarbiyah* PAS kawasan Tanjong Malim.

### 6.3.3 Saranan Kepada PAS Pusat dan PAS Perak

- i. Berdasarkan hasil kajian, PAS kawasan Tanjong Malim tidak mengikut sepenuhnya sukatan *tarbiyah* yang disediakan oleh PAS Pusat atau PAS Perak. Keadaan ini didapati berpunca daripada tahap pendidikan masyarakat yang rendah, di mana *tarbiyah* hanya dapat dijalankan secara sederhana sahaja. Tambahan pula, bilangan para pendidik (*murabbī*) di kawasan ini adalah tidak ramai berbanding kawasan-kawasan lain. Maka dicadangkan kepada PAS Pusat agar dapat memantau perkembangan *tarbiyah* di kawasan-kawasan yang menghadapi masalah dan membantu mereka melaksanakan *tarbiyah* di kawasan-kawasan tersebut.
  
- ii. Kajian mendapati PAS kawasan Tanjong Malim menghadapi masalah kekurangan dana yang mencukupi dan lokasi program yang sesuai. Oleh itu, dicadangkan kepada PAS Pusat agar dapat membantu kawasan-kawasan yang menghadapi masalah seumpama itu dengan menyalurkan bantuan kewangan dan sebagainya kepada mereka. PAS Pusat juga boleh membantu PAS kawasan membangunkan markas *tarbiyah* bagi kawasan-kawasan yang berhadapan dengan masalah tersebut.

#### 6.3.4 Saranan Kepada Pengkaji Yang Akan Datang

- i. Kajian yang dijalankan adalah terbatas kepada PAS kawasan Tanjong Malim, Perak. Maka hasil kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada PAS kawasan lain di Perak atau Malaysia amnya. Oleh itu, adalah dicadangkan agar kajian yang serupa dilakukan di kawasan-kawasan lain untuk mengetahui perbezaan atau persamaan hasil kajian yang diperolehi.
- ii. Kajian ini merupakan kajian yang dilakukan secara umum. Pengkaji melakukan kajian untuk mengenal pasti beberapa aktiviti dan masalah *tarbiyah* yang terdapat di Tanjong Malim. Maka dicadangkan agar kajian secara khusus dilakukan bagi memperhalusi lagi maklumat yang telah diperolehi untuk kajian yang akan datang.
- iii. Kajian ini merupakan kajian tinjauan melalui kaedah temu bual dengan beberapa pihak tertentu dan tidak mengedarkan borang soal selidik. Maka dicadangkan agar kajian yang berbentuk lain, seperti kajian deskriptif, *causal comparative*, kajian korelasi dan kajian eksperimental dapat dilakukan untuk kajian selanjutnya. Dengan itu, aspek-aspek tertentu dapat diperhalusi lagi maklumat mengenainya.
- iv. Kajian yang dijalankan di Tanjong Malim adalah berbentuk kualitatif, di mana data yang diperolehi adalah berbentuk perkataan atau ayat yang

dikumpul melalui temu bual, dokumentasi atau yang direkod dalam bentuk gambar atau video. Maka untuk masa akan datang dicadangkan agar kajian berbentuk kuantitatif yang mempunyai data berbentuk angka yang boleh diukur dapat dijalankan.

#### **6.4 Penutup**

Sebagai kesimpulan, hasil kajian yang diperolehi dapat dirumuskan kepada tiga bahagian, iaitu kajian yang dijalankan membolehkan pengkaji mengenal pasti aktiviti *tarbiyah* yang dilaksanakan oleh PAS di Tanjong Malim dari tahun 2006 hingga 2010. Kajian juga membolehkan masalah yang dihadapi oleh PAS kawasan Tanjong Malim dapat dikenal pasti, dan seterusnya saranan dapat dikemukakan kepada pihak yang berkenaan untuk tindakan yang sewajarnya.